

CNS6053

U CC 29-08 00216 BH494

aab

Mahathir - Mahkamah'''

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Kelantan harus menghormati pengisytiharan mahkamah bahawa dua bekas anggota dewan, Haji Nordin Salleh (Sungai Pinang) dan Haji Wan Mohd Najib Wan Mohamad (Limbongan) bukan anggota Semangat 46, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata keputusan Umno mendapatkan pengisytiharan mahkamah bahawa pemecatan kedua-duanya tidak sah ialah bagi memastikan keputusan mahkamah itu dihormati oleh dewan itu.

+Kita yakin ahli-ahli kita bukan ahli Semangat 46. Dengan itu mereka tidak boleh disingkir oleh dewan itu.+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Haji Nordin dan Haji Wan Najib memenangi kerusi masing-masing pada pilihan raya umum lepas atas tiket Semangat 46 tetapi kemudian menvertai Umno. Tindakan mereka itu menyebabkan mereka dipecat oleh dewan yang membuat pindaan kepada Undang-undang Tubuh Negeri Kelantan yang antara lainna menghalang anggota dewan melompat parti.

Minggu lepas, ekoran permohonan kedua-duanya, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur membuat keputusan bahawa mereka bukan anggota Semangat 46 pada bila-bila masa nun.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata Umno sendiri menghormati dan mematuhi keputusan mahkamah semasa ia diisytiharkan tidak sah walaupun dunia menerima Umno sebagai sah.-- Lagi

♥29/08/20-32MST

CNS6067

U PB 29-08 00177 BH502

nab

Mahathir - Mahkamah 2 Kuala Lumpur

Demikian juga terdapat bukti yang menunjukkan keanggotaan Haji Nordin dan Haji Wan Mohd Najib dalam parti Semangat 46 tidak sah, dan oleh itu katanya, Umno berpendapat keputusan mahkamah harus dihormati.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Umno telah mengkaji sebab-sebab kekalahannya pada pilihan raya kecil di Limbongan dan Sungai Pinang dan yakin dengan usaha yang lebih gigih, Umno akan mencapai kemenangan pada pilihan raya akan datang.

Katanya, Umno berpuas hati dengan keputusan pilihan raya kecil itu (yang kedua-dua dimenangi oleh Semangat 46 tetapi dengan majoriti yang kurang daripada yang dicatatkan pada pilihan raya umum Oktober lepas.)

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat Majlis Tertinggi itu memutuskan supaya Kongres Bumiputera ketiga diadakan Disember ini dan akan mengemukakan perkara itu kepada kerajaan untuk diselenggarakan.

Katanya, kongres itu adalah perlu kerana membentuk dasar pembangunan negara menekankan aspek-aspek yang berbeza dan dalam pelaksanaan dasar ekonomi negara penekanan yang lebih diberi terhadap kualiti penyertaan Bumiputera daripada kuantiti atau bilangan mereka yang menyertainya. -- Lagi:

♥29/08/21-11MST

CNS6068

U PB 29-08 00133 BH503

aab

Mahathir - Mahkamah 3 Kuala Lumpur

Mesvuarat hari ini juga bersetuju supaya perlembagaan Umno dipinda untuk membolehkan tiga lagi ahli dilantik untuk menganggotai Majlis Tertinggi. dan pemilihan untuk jawatan Ketua Pergerakan Wanita dan Ketua Pergerakan Pemuda.

Anggota Mailis Tertinggi yang boleh dilantik sekarang adalah tujuh orang.

Mesvuarat juga bersetuju supaya pindaan dibuat untuk membolehkan mereka yang permohonanannya untuk menvertai Umno tidak diterima oleh cawangan parti. merayu kepada Mailis Tertinggi bagi menimbang permohonan tersebut.

Pindaan-pindaan itu akan dibincangkan untuk dilufuskan pada perhimpunan agung khas parti pada 8 Nov ini. katanva.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Mailis Tertinggi juga member-i kebenaran kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita Bahagian Pasir Mas. Pergerakan Pemuda Kuala Krai ada Pergerakan Wanita Seputeh yang sebelum ini digantung. mengadakan mesvuarat agung masing-masing. -- Lagi

♥29/08/21-14MST

CNS6073

U CB 29-08 00087 BH504

aab

Mahn'thir - Mahkamah 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mesvuarat hari ini menerima permohonan Anggota Parlimen Machang, Encik Ahmad Shukri Haji Hassan yang juga bekas anggota Parti Semangat 46. bekas setiausaha Parti Semangat 46 Kelantan Encik Kassim Mohamed serta 2.767 bekas anggota parti itu dari Pasir Mas menganggotai Umno.

Pada mesvuarat itu. Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sabah Tun Datu Mustapha Datu Haji un mengangkat sumpah sebagai anggota Mailis Tertinggi parti yang baru. -- Bernama

♥29/08/21-46MST